

Headline	Keriangon jelas terserlah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Mar 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	16	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	388 cm ²
Journalist	Rosyahaida Abdullah	AdValue	RM 14,275
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,825



Keriangon jelas terserlah

Kanak-kanak HIV di rumah kebajikan terima tetamu istimewa

Rosyahaida Abdullah

KUALA LUMPUR: Kegembiraan jelas terpancar pada wajah 22 kanak-kanak berumur lima hingga 13 tahun yang dijangkiti HIV apabila mereka dibawa bertemu Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta beberapa selebriti tempatan dan bintang bola sepak antarabangsa, semalam.

Pertemuan khas untuk kanak-kanak dari pusat perlindungan Rumah Solehah dan Rumah Bangun di bawah Yayasan Aids Malaysia (MAF) itu diadakan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) di sini sempena

acara Sapura & Kencana Petroleum Red Ribbon GP Ball 2012 yang berlangsung pada sebelah malamnya.

Pelbagai acara diadakan sempena menggembirakan kanak-kanak berkenaan termasuk sesi nyanyian yang turut disertai Rosmah dan selebriti lain dengan diiringi pemuzik Syed Sobrie yang bermain gitar.

Rosmah yang juga Penaung MAF berkata, usaha murni yayasan membawa penyokong selebriti riben merah MAF dan pemain bola sepak terkenal untuk menceriaikan kanak-kanak

terbabit patut dicontohi malah membolehkan peserta berinteraksi sendiri dengan kanak-kanak HIV.

“Walaupun anak-anak ini menghidap HIV, mereka tidak patut dipinggirkan sebaliknya usaha membawa kegembiraan kepada mereka perlu diteruskan dan dipergiatkan lagi. Mereka juga berhak bersuka ria sama seperti kanak-kanak sihat lain,” katanya kepada pemberita pada lawatan terbahit.

Antara selebriti yang hadir termasuk Datin Paduka Umie Aida, Dayang Nurfaizah, Fahrin Ahmad dan Bob Yusof manakala bintang bola

terdiri daripada Fabio Cannavaro, Michel Salgado dan Fernando Morientes merangkap duta projek Kemiskinan Global (GP).

Pada pertemuan itu juga, PPUM menerima sumbangan RM25,000 daripada Kumpulan Malaysian Assurance Alliance Berhad (MAA) sebagai sebahagian tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu.

Mengulas mengenai acara Sapura & Kencana Petroleum Red Ribbon GP Ball 2012, Rosmah berkata, keseluruhan 78 meja yang ditawarkan habis dijual sekaligus mencapai sasaran untuk MAF sebanyak RM1.5 juta.

Headline	Keriangan jelas terserlah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Mar 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	16	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	388 cm ²
Journalist	Rosyahaida Abdullah	AdValue	RM 14,275
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,825



TERHIBUR...Rosmah bersama artis dan bekas bintang bola sepak menghiburkan kanak-kanak.